

Headline	TNB peroleh 5 peratus kepentingan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	31 Jul 2020	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	EKONOMI	Page No	33
ArticleSize	337 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,016		



# TNB peroleh 5 peratus kepentingan



JIMAH Energy Ventures Holdings Sdn Bhd (JEVH)

**KUALA LUMPUR:** Tenaga Nasional Bhd (TNB) telah memperoleh kepentingan lima peratus dalam loji jana kuasa arang baru Jimah, Port Dickson daripada Kerajaan Negeri Sembilan pada harga RM80 juta.

Firma utiliti itu telah menandatangani satu perjanjian dengan Menteri Besar Negeri Sembilan

(Inc) (MBINS) semalam bagi membeli lima peratus kepentingan ekuiti dalam pemilik serta pengendali loji tersebut, Jimah Energy Ventures Holdings Sdn Bhd (JEVH) dan lima peratus daripada nota Kelas B yang diterbitkan oleh Special Power Vehicle Bhd kepada MBINS. Special Power Vehicle telah ditubuhkan pada 2004 untuk

mengumpul dana bagi membiayai sebahagian daripada pembangunan dan operasi loji jana kuasa itu, yang dibuat melalui terbitan nota jangka sederhana Islam (MTN).

"TNB akan menggunakan dana dalaman bagi membayar pertimbangan pembelian berkenaan," katanya dalam satu makluman

kepada Bursa Malaysia.

Edra Power Holdings Sdn Bhd memiliki 75 peratus kepentingan dalam JEVH, manakala TNB dan MBINS memegang baki faedah, masing-masing sebanyak 20 peratus dan lima peratus.

Kemudahan MTN Special Power Vehicle merangkumi nota-nota Kelas A dan Kelas B. Nota

Kelas A telah dilanggan oleh bank yang terlibat dalam pembiayaan manakala nota Kelas B telah dilanggan oleh pemegang saham JEVH dengan struktur pegangan saham yang sama.

Menurut TNB, perolehan tersebut dijangka tidak mempunyai kesan material ke atas aset bersih dan pengeluarannya. – Bernama

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Bursa Malaysia Berhad (Bursa Malaysia Berhad)	3	0	RM 0
Edra Power Holdings Sdn Bhd (Edra Power Holdings Sdn Bhd)	1	0	RM 0
Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) (MTDC)	1	0	RM 0
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama)	1	0	RM 0
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Pertubuhan Berita Nasional)	1	0	RM 0
RAM Bursa Malaysia (RAM Bursa Malaysia)	2	0	RM 0
Singapore-Malaysia Relations (Singapore-Malaysia Relations -	1	0	RM 0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional )	6	0	RM 0